

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI VETERINAR**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERTANIAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 NOVEMBER 2002

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred G41</b>	:	P1T1	RM1473.44	-	P1T27	RM4038.64
		P2T1	RM1555.72	-	P2T27	RM4280.64
		P3T1	RM1641.63	-	P3T27	RM4543.21
<b>Gred G44</b>	:	P1T1	RM2593.90	-	P1T14	RM4292.74
		P2T1	RM2870.99	-	P2T14	RM4711.40
<b>Gred G48</b>	:	P1T1	RM3785.75	-	P1T8	RM5022.37
		P2T1	RM4160.85	-	P2T8	RM5499.11
<b>Gred G52</b>	:	P1T1	RM4261.28	-	P1T8	RM5497.90
		P2T1	RM4665.42	-	P2T8	RM6003.68
<b>Gred G54</b>	:	P1T1	RM4492.39	-	P1T8	RM5845.17
		P2T1	RM4889.27	-	P2T8	RM6379.99

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan  
(ii) berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G41: P1T7);
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Veterinar adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Veterinar Gred G41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan yang disenaraikan di bawah Jadual II Bahagian II Akta Veterinar 1974 (Akta 147) yang diiktiraf setaraf dengan ijazah am oleh kerajaan; dan
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Universiti Putra Malaysia dan Majlis Veterinar Malaysia; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred G41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai Veterinar Gred G41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai Veterinar boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Pegawai Veterinar Gred G41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai Veterinar Gred G41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pegawai Veterinar hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G44**
10. Pegawai Veterinar Gred G41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Veterinar Gred G44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G48**
11. Pegawai Veterinar Gred G44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Veterinar Gred G48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED G52**

12. Pegawai Veterinar Gred G48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Veterinar Gred G52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED G54**

13. Pegawai Veterinar Gred G52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Veterinar Gred G54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Veterinar Gred G54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].